

20/04/2002

Jadikan tragedi 11 September iktibar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tragedi 11 September di New York dan Washington, perlu dijadikan iktibar dalam usaha mewujudkan keamanan sejagat tanpa membezakan manusia mengikut etnik, bangsa, agama atau warna kulit.

Kaunselor Perhubungan Awam Kedutaan Amerika di Malaysia, Karl Stoltz, berkata serangan yang mengorbankan lebih 4,000 penduduk dari 83 negara itu tidak menguntungkan sesiapa.

"Saya sependapat dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan keganasan sebagai serangan secara sengaja terhadap orang awam yang tidak berdosa.

"Pergolakan yang berlaku antara regim Israel dan penduduk Palestin sekarang juga ternyata hanya menghancurkan masa depan kedua-dua negara kerana nyawa manusia dijadikan pertaruhan," katanya pada majlis penutup pameran foto di Perpustakaan Negara di sini, hari ini.

Pameran bertema Selepas 11 September: Imej Dari Tapak Runtuhan itu memaparkan 28 gambar yang diambil Joel Meyerowitz, satu-satunya jurufoto yang dibenarkan memasuki runtuhan Pusat Dagangan Dunia (WTC).

(END)